

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Ultimate Manufacturing Solution (M) Sdn. Bhd. (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Butterworth atas pertuduhan di bawah subseksyen 37(11)(b) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan sengaja atau dengan cuai, merosakkan *armoured cable* kepunyaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan membelah dan menyambungkan wayar pintasan pada kabel tersebut. Pada tarikh 19 Oktober 2022, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan Mahkamah Sesyen Butterworth telah menjatuhkan hukuman denda RM 5,000.00 terhadap OKS.